



Pendidikan Kitab Turath: Sejarah dan Pelaksanaannya di Negara Brunei Darussalam

ABDUL RAHMAN BIN HAJI AJAK
Penolong Pensyarah KUPU SB
Negara Brunei Darussalam

Abstrak

Negara Brunei Darussalam memiliki corak pendidikan Islam yang tersendiri. Kitab Turath setentunya memberi sumbangan yang besar terhadap pembangunan pendidikan umat Islam di Negara ini. Pendidikan secara berperingkat dari rumah atau istana sultan ke pengajian balai, masjid, sekolah melayu, sekolah agama hingga ke peringkat tertinggi di institut pengajian tinggi kini. Artikel ini bertujuan untuk meneroka sejarah dan pelaksanaan pendidikan kitab turath di Negara Brunei Darussalam. Kajian ini menggunakan kajian perpustakaan dan analisis dokumen yang berkenaan. Hasil kajian mendapati pendidikan kitab turath di Negara Brunei Darussalam dilakukan semenjak kemasukan Islam itu sendiri hingga sekarang. Sebahagian Ulama' Brunei di kenal pasti dan sumbangan mereka terhadap pendidikan Islam di Negara ini. Kaedah Pengajaran dan sistem pelaksanaan pendidikan kitab Turath adalah berbeza dari satu institusi ke instusi lain.

Pendahuluan

Dari aspek sejarah, pendidikan Islam secara umumnya dan pengajian kitab Turath khususnya di Negara Brunei Darussalam di ajarkan secara bertahap mengikut keramaian pelajar dan terus berubah-ubah peredaran zaman. Secara umumnya, pendidikan dilakukan di istana sultan dan rumah-rumah persendirian terlebih dahulu, kemudian berpindah ke balai-balai atau masjid-masjid, sekolah Melayu, sekolah agama sehingga sekarang pendidikan Islam terus mengalami perubahan hingga ke tahap yang lebih tinggi seperti kolej universiti dan universiti Islam.

I. Pengajian di Istana Sultan

Menurut (Asbol Mail & Andi Suwirta, 2018), istana berperanan dalam pendidikan agama semenjak pemerintahan Sultan Brunei yang pertama lagi iaitu Awang Alak Betatar memeluk Islam pada tahun 1368 Masihi, yang kemudian dikenali sebagai Sultan Muhammad Shah (1363-1402 Masihi). Hal ini mungkin saja dilakukan oleh Sharif Ali, apabila beliau berkunjung ke Brunei. Beliau mempunyai hubungan yang mesra dengan istana sehingga akhirnya beliau berkahwin dengan puteri keluarga Diraja Brunei. Lantaran beliau mempunyai keperibadian yang mulia, Sharif Ali telah diangkat menjadi Sultan Brunei ketiga dan memerintah antara 1425 hingga 1432 Masihi. Bagindalah yang dikatakan mengeraskan syariat Rasulullah, yang telah memperteguhkan dan mengukuhkan akidah Islam masyarakat Brunei pada ketika itu. Kesan-kesan pengaruh Islam yang kuat, hasil tarbiyah Sultan Sharif Ali ini terus dikuti oleh anakanda, baginda Sultan Sulaiman (1432-1485 Masihi) apabila baginda terus memperkukuhkan pegangan Islam pada masyarakat Brunei ketika itu. Peranan istana sebagai pusat pendidikan Islam semakin jelas pada abad ke-16, apabila misi-misi Kristian yang datang bersama-sama angkatan tentera Sepanyol telah melihat dengan mata kepala sendiri. Mereka telah menyaksikan bagaimana kesan ajaran Islam yang dimainkan oleh 'ulama' selaku kelompok elit agama di istana Sultan. Ulama-ulama bukan saja berperanan sebagai guru agama kepada golongan istana, tetapi juga mempunyai tugas penting dalam pentadbiran negara untuk mengembangkan Islam. Maknanya, mereka punya pengaruh besar ke atas pentadbiran negara, terutama dalam hal ehwal keagamaan.

II. Pengajian di Rumah-rumah Persendirian

Menurut (Asbol Mail, 2005; Asbol Mail & Andi Suwirta, 2018; Aslan & Suhari, 2019) sejarah pendidikan Islam sudah mula sejak kedatangan Islam di Brunei, pendidikan Islam dipercayai telah disampaikan oleh para mubaligh luar yang berkunjung ke negara ini. Mereka ini sama ada terdiri dari mubaligh Arab, Parsi ataupun India. Aktiviti pendidikan ini, pada awalnya berpusat di rumah-rumah persendirian di kampung Ayer. Di samping itu, istana Sultan juga memainkan peranan sebagai pusat pendidikan pada awal kedatangan Islam ke Negara Brunei Darussalam. Kesan pendidikan istana ini, maka Sultan-sultan Brunei berikutnya terus mempertahankan akidah Islam dalam pentadbiran mereka.



Pandangan Kampung Air pada tahun 1920-an



Kampung Sumbiling Lama, kampung Sumbiling Baru dan Jambatan Rangas pada tahun 1950

Guru-guru yang mengajar pendidikan Islam khususnya kitab-kitab turath terdiri dari para Manteri Ugama seperti Datu Imam, Khatib, dan Mudim mendirikan balai di rumah mereka sendiri bersama anak-anak murid bagi tujuan pembelajaran Islam. Para Manteri Ugama inilah yang memimpin sistem balai kerana masing-masing mempunyai balai tersendiri. Kegiatan ini berlanjutan sehingga awal abad ke-20 dengan kemunculan tokoh-tokoh ulama di beberapa kampung seperti Kampong Burong Pingai Ayer, Kampong Lurong Dalam dan Kampong Pengiran Siraja Muda (Haji Tassim, 2013). Oleh kerana jumlah penganut Islam semakin bertambah dari masa ke semasa, rumah-rumah persendirian yang dahulunya menjadi pusat kegiatan pendidikan Islam mulai tidak sesuai lagi untuk menampung keperluan tersebut. Ini mendorong pembukaan tempat-tempat baru seperti balai-balai, surau-surau, dan seterusnya ke masjid-masjid sebagai pusat pembelajaran agama. Walaupun begitu, pengajaran agama Islam di rumah-rumah persendirian masih tetap diteruskan di Brunei, khususnya menjelang abad ke-19 (Asbol Mail, 2005).

III. Pengajian di Masjid-masjid

Masjid sebagai wadah kegiatan menyampaikan pendidikan agama, di samping untuk menunaikan sembahyang fardhu Jumaat, telah wujud di zaman pemerintahan Sultan Sharif Ali. Hal ini berlaku kerana baginda telah mengambil langkah mendirikan tempat ibadat tersebut. Semasa pemerintahan Sultan Saiful Rijal (1533-1581 Masihi), orang-orang Sepanyol telah melaporkan bahawa di Bandar Brunei terdapat sebuah masjid besar. Dalam laporan itu dinyatakan, seperti berikut:

Bandar Brunei mempunyai sebuah masjid yang sungguh indah, amat besar, dan seluruh bangunannya dipenuhi dengan ukiran-ukiran serta dicat dengan warna keemasan. Tingginya lima tingkat dan dibina dari kayu hitam

Oleh sebab saiz masjid begitu besar, maka ia bukan saja berperanan tempat menunaikan sembahyang berjemaah, bahkan salah satu fungsinya ialah sebagai wadah pendidikan agama kepada penduduk Bandar Brunei pada ketika itu. Manakala, pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad Hassan (1582-1598 Masihi), mubaligh-mubaligh Islam dari Brunei aktif menjalankan dakwah di Sulu, Cuyo, Keramian, dan Mindanao. Sebagai contoh, di Mindanao, pendakwah Brunei bersama penduduk Islam di sana telah membina masjid dan sekolah agama. Ini menunjukkan bahawa masjid dan juga sekolah agama telah menjadi pusat kegiatan pendidikan Islam. Peranan masjid dalam memberikan didikan agama kepada masyarakat Islam Brunei memang terus berlaku hingga kini. Ia boleh dikatakan sebagai pendidikan Islam tradisional



yang masih diwarisi secara turun-temurun bagi masyarakat Islam di Negara Brunei Darussalam. Kebanyakan masjid di Negara Brunei Darussalam dibina dan ditadbir oleh kerajaan. Memang ada masjid yang dibangunkan oleh orang-orang kampung atau orang persendirian, namun akhirnya ia diambil alih oleh kerajaan. Dengan yang demikian, semua kaki-tangan masjid di iktiraf sebagai pegawai kerajaan. Selepas tahun 1990-an, kebanyakan masjid di Negara Brunei Darussalam telah dibina dengan bahan konkrit. Ia juga dilengkapi penghawa dingin dan bilik perpustakaan. Kemudahan seperti itu sudah tentu memberikan keselesaan kepada jemaah dan juga dalam menyalurkan pendidikan Islam (Asbol Mail & Andi Suwirta, 2018).

IV. Pengajian di Balai-balai

Terdapat perbezaan antara masjid dengan balai. Menurut (Asbol Mail, 2005) Masjid didirikan oleh pihak kerajaan di pekan dan Bandar. Ia mempunyai sistem pentadbiran yang teratur berbanding dengan balai dan surau. Sedangkan balai Pentadbiran masjid dilaksanakan oleh Pehin-pehin Manteri Agama. Setiap balai pula mempunyai guru-guru yang mengajarkan ilmu agama seperti Imam, Khatib, dan Mudim yang menjalin hubungan erat dengan murid-murid mereka. Mereka tidak mempunyai gaji yang khusus bahkan tidak mengharapkan sebarang ganjaran material daripada pelajar. semua ini terpulang kepada para pelajar sama ada mahu memberikan sumbangan atau tidak. Ini menunjukkan ulama-ulama yang mengajarkan ilmu agama ini benar-benar berkhidmat kerana Allah bukan kerana lain-lain perkara seperti ganjaran kebendaan. Kemunculan tokoh-tokoh ulama di pelbagai kampung sekitar Kampong Ayer memperkukuhkan tradisi ini, sehinggalah pendidikan agama mula beralih ke bangunan sekolah kekal di kawasan daratan (Asbol Mail, 2005; Haji Tassim, 2013). Di Indonesia, tempat pengajian traditional kitab-kitab lebih dikenali sebagai 'pesantren'. Manakala di Malaysia disebut sebagai 'pondok'. Di Brunei Darussalam, tempat pengajian ilmu agama dahulu dipanggil 'balai' (Asbol Mail, 2005; Haji Tassim, 2013). Menurut (Asbol Mail, 2005) terdapat empat pengertian tentang balai menurut pandangan masyarakat Melayu Brunei. Pertama, balai sebagai tempat menyimpan peralatan menangkap ikan seperti balat, tugu, jala, pukut dan lukah. Fungsinya sama seperti stor. Kedua, balai sebagai tempat kegiatan perusahaan atau pekerjaan seperti menjalin balat, bertukang perahu (memburis) dan perusahaan kayu bakau untuk kegunaan kayu dapur. Ketiga balai sebagai tempat belajar seni silat atau seni mempertahankan diri. Keempat, balai sebagai tempat belajar dan aktiviti keagamaan. Balai seperti ini pada lazimnya dipunyai oleh ulama-ulama di kalangan Pehin-pehin Manteri Agama. Menurut (Asbol Mail, 2005; Haji Tassim, 2013) pengajian Islam di balai-balai sudah wujud pada akhir abad ke sembilan belas. Hal ini terbukti apabila ulama-ulama Brunei yang hidup pada akhir abad kesembilan belas sudah mempunyai balai untuk menyampaikan ilmu agama kepada pelajar-pelajar mereka. Pengkaji sejarah menyatakan bahawa balai pertama yang dibina di kampung Ayer ialah balai Kampong Burung Pingai. Setelah itu barulah diikuti oleh kampung-kampung lain seperti Kampong Peramu, Kampong Sungai Kedayan, Kampong Lorong Sikuna dan Kampong Saba.



Balai Ibadat Kampung Setia di bangun pada tahun 1980-an



Balai Ibadat Kampung Peramu




Balai Ibadat Kampung Saba

Asbol Mail, (2005) dan Haji Tassim, (2013) menyatakan bahawa sistem pengajian balai ini boleh dibahagikan kepada dua kateogri iaitu pengajian umum dan pengajian lanjutan:

a) Pengajian umum

Pengajian umum di balai lazimnya menyediakan pelajaran zikir Brunei, Ratib Saman, mengaji Quran dan hadrah. Di samping itu pelajaran tentang ibadat sembahyang juga diajarkan. Perkara ini memang menjadi keperluan masyarakat Islam bagi melepaskan dari tuntutan Fardhu Ain dan Fardhu Kifayah. Pelajar yang mengikuti pengajian umum ini tidak semestinya pelajar yang berkebolehan menulis dan membaca jawi.



Buku Dikir Syarafil Anam atau dipanggil juga 'Dikir Brunei'



Majlis Dikir Syarafil Anam di Masjid-masjid selama 12 malam berturut-turut semepena Maulidur rasul

b) Pengajian lanjutan



Pengajian lanjutan berbeza dengan pengajian umum. Ini kerana pelajar-pelajarnya terdiri daripada mereka yang berkebolehan menulis dan membaca jawi. Mereka diajarkan Ilmu Fiqh, Faraidh, Babun Nikah, Nahu dan Qawaid, Tasawuf dan Akhlak. Bidang ini membolehkan pelajar-pelajarnya menjadi Kadi, Juru Nikah, dan guru. Antara kitab-kitab yang dipelajari ialah seperti kitab *Matla' Badrain*, *Sabilul Muhtadin*, *Furu' Masail*, *Bughyah Al-Tullab*, *Hidayah Al-Salikin* dan *Siar Al-Salikin* (Asbol Mail, 2005; Asbol Mail & Andi Suwirta, 2018; Haji Tassim, 2013).

Mengenai kaedah pengajaran di balai, antaranya ialah:

- Kaedah 'beliun' iaitu *halaqah*, seperti yang diterapkan oleh seorang tokoh ulama Brunei seperti Pehin Siraja Khatib Abdul Razak Bin Hasanuddin. Pelajar-pelajar akan duduk dengan cara “beliun” (dalam bentuk bulatan atau *halaqah*) dan guru sendiri akan duduk “di siring” (duduk di tepi). Bagi murid-murid yang sudah pandai menulis akan diberikan kertas. Belajar agama diadakan pada tiap-tiap hari di waktu pagi (Asbol Mail, 2005).



Sistem 'Beliun' (Halaqah)

- Menggunakan "siput" atau "Takuyung" sebagai alat bantu mengajar dalam mempelajari Sifat 20 yang Wajib dan Mustahil bagi Allah. Ia bertujuan memudahkan para pelajar mengingat dan menghafal sifat-sifat tersebut (Asbol Mail & Andi Suwirta, 2018).



Siput atau 'takuyung'

- Kaedah Nyanyian digunakan bagi memudahkan mempelajari Rukun Islam dan Rukun Iman pula, ada juga guru-guru menggunakan kaedah nyanyian. Kaedah ini boleh dikatakan lebih berkesan untuk mengingatinya dan memahamkan pelajar, di samping menghilangkan rasa bosan dan mengantuk. Kaedah ini pernah digunakan oleh Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah semasa mengajar pelajar-pelajarnya (Asbol Mail & Andi Suwirta, 2018).

Masa belajar tidak ditentukan, biasanya apabila murid-murid itu terasa “sengal” atau penat (letih), masing-masing akan meminta diri (pulang). Selepas sembahyang Zohor, beliau meneruskan pengajaran membaca Al-Qur’an (Haji Tassim, 2013).

Antara tokoh-tokoh Ulama' Brunei pada abad ke 19 dan 20 ialah:

- a) Maulana Pengiran Abdul Momin Bin Pengiran Sabtu (Sebelum Abad ke 19).

Maulana Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Sabtu berasal dari Kampong Pengiran Siraja Muda di Kampong Ayer. Beliau menuntut ilmu agama Islam di Mekah antara tahun 1800–1820 Masihi. Sekembalinya dari Mekah, Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Sabtu mula berdakwah di sekitar Kampong Ayer dengan mengajarkan ilmu agama yang dipelajarinya kepada penduduk setempat di Kampong Ayer. Beliau telah menambah-pesatkan lagi pengembangan



pembelajaran agama Islam di Brunei, khususnya di petempatan Kampong Ayer. Tindakan Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Sabtu telah dicontohi oleh ulama-ulama yang lain. Ramai ulama di Kampong Ayer telah mengajar ilmu agama Islam dengan membangunkan balai-balai persendirian. Misalnya Dato Haji Ahmad yang tinggal di Kampong Burong Pingai Ayer. Rumah beliau telah dijadikan tempat mengajar ilmu agama seperti sembahyang, mempelajari Al-Qur'an, hukum-hukum agama, pelajaran tauhid, dan lain- lain. Murid-murid yang belajar ilmu agama di balainya selain dari penduduk Kampong Burong Pingai Ayer, ramai juga penduduk dari Kampong Buang Tengkuruk dan Kampong Lurong Dalam turut belajar (Asbol Mail, 2005).

b) Dato Ahmad Bin Haji Abdul Latif

Menurut (Asbol Mail, 2005; Asbol Mail & Andi Suwirta, 2018) seorang ulama yang berasal dari Banjarmasin telah menetap di Brunei, beliau ialah Dato Ahmad bin Haji Abdul Latif. Beliau dikatakan telah berhijrah ke Brunei di zaman pemerintahan Sultan Abdul Momin (1852-1885). Apabila beliau sampai ke Brunei, beliau telah menetap di Kampong Burong Pingai, salah sebuah kampong di Kampong Air. Setelah penduduk Kampong Burong Pingai mengetahui yang Dato Ahmad merupakan seorang yang berkebolehan dalam bidang agama, maka mereka pun meminta beliau supaya menjadi guru agama. Dato Ahmad telah menjadikan rumah beliau sebagai kegiatan pendidikan Islam. Ibadat sembahyang, membaca al Quran dan tauhid merupakan perkara-perkara yang telah diajarkan oleh beliau kepada pelajarannya. Kemasyuran Dato Ahmad sebagai tenaga pengajar dalam bidang agama telah terdengar ke kampong-kampong lain di sekitar Kampong Air.



Kampong Burong Pinggai

Ini telah menarik minat kepada penduduk kampong lain selain Kampong Burong Pingai untuk mempelajari agama pada Dato Ahmad. Oleh kerana Dato Ahmad mempunyai ilmu agama yang baik, maka Sultan Abdul Momin telah berkenan untuk melantik beliau sebagai Pegawai perkembangan Agama Islam di Brunei. Memandangkan kewibawaan beragama yang dimiliki Dato Ahmad begitu menyerlah, maka sultan berhajat untuk mengurniakan gelaran kepada beliau dengan gelaran Datu Seri Maharaja. Ini bermakna Sultan Abdul Momin bersedia untuk menaikkan kedudukan beliau sebagai salah seorang Manteri Agama dalam Kerajaan Brunei. Gelaran Datu Seri Maharaja merupakan gelaran khas kepada golongan Manteri Agama dalam struktur pentadbiran Kesultanan Melayu Brunei. Bagaimanapun Dato Ahmad menolak gelaran yang akan dikurniakan oleh sultan ini. Selain Dato Ahmad menjadikan rumah beliau sebagai pusat kegiatan pendidikan Islam, hal yang sama juga telah dilakukan Tuan Imam Abdul Rahman bin Awang Matserudin (1872-1945) di Kampong Bukit Salat.

c) Pehin Siraja Khatib Abdul Razak Bin Hasanuddin

Menurut (Asbol Mail, 2005; Norhayati Abdul Karim & Masuriyati Haji Yahya, 2022; Norhayati Haji Abd Karim, 2019) Pehin Siraja Khatib Abdul Razak bin Hasanuddin dilahirkan pada tahun 1879M dan meninggal dunia pada bulan November 1941M semasa berusia 62 tahun (Abdul Razak Hasanuddin, 1979). Beliau merupakan tokoh Ulama yang disegani oleh masyarakat tempatan kerana kewibawaan beliau dalam bidang keugamaan sangatlah menonjol sehingga beliau dilantik menjawat beberapa jawatan terpenting seperti Imam, Kadi (1913), Menteri Agama dan pernah digelar sebagai Pehin Khatib pada tahun 1918 dan Pehin Siraja Khatib Al-Kadi Brunei (1919) dalam Kerajaan Brunei dibawah empat Kesultanan Brunei iaitu Sultan Abdul Momin (1852-1888), Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin (1885-1906), Sultan Muhammad Jamalul Alam II (1906-1924) dan Sultan Ahmad Tajuddin (1924-1950). Selain daripada itu, beliau sangat berminat dalam kesusasteraan terutama sekali dalam syair Brunei. Disamping kebolehan mengarang Syair, beliau juga memiliki kepandaian dalam kemahiran kerjatangan seperti menyungkit dan menyulam. Hasil karya beliau dalam bidang kesusasteraan iaitu syair sangatlah menonjol berbanding karya beliau dalam bidang pengajian Islam di mana beliau menulis Sifat 20 pada tahun 1939 yang digunakan dalam pengajian bersama anak murid beliau sendiri. Antara hasil karya beliau seperti berikut:



Bidang kesustereraan:

- I. *Syair Yang Di-Pertuan*
 - II. *Syair Sultan Ahmad Tajuddin* (sehingga kini masih lagi kekal dalam bentuk manuskrip dan disimpan di Arkib Negara).
 - III. *Syair Awang Alak*
 - IV. *Syair Pulau Berembang,*
 - V. *Syair Rajang Dagang*
 - VI. *Syair Rajang Berahi* tidak dapat diselamatkan ketika berlaku kebakaran semasa pendudukan Jepun di Brunei.
- Bidang agama pula, antara karya beliau ialah:
- I. *Kitab Risalah Yang Kecil Bagi Mengetahui Usuluddin*
 - II. *Kaifiyah Bernikah-nikahan Supaya Mudah Bagi Orang Yang Baharu Belajar*. Kedua naskah kitab ini ditulis pada 1 Ogos 1936 dan dimuatkan dalam satu buah buku pada bab yang berasingan.

Beberapa karya ulama dijadikan sebagai buku sumber pengajian di balai beliau, antaranya ialah: *Sabil alMuhtadin* karya Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari, *al-Mukhtasar*, *Sirat al-Mustaqim*, karya Syeikh Nuruddin al-Raniri, *Gayah al-Taqrif fi al-Irst wa al-Ta'sib* karya Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani, *Idhah al-Bab li Murid Bab al-Nikah bi al-Showab* karya Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani, *Hidayah al-Walid li al-Walad*, *Wisyah al-Afraj* dan *al-Durr al-Thamin* karya Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani. Tidak terkecuali juga buku karya beliau iaitu iaitu *Kitab Risalah Yang Kecil Bagi Orang Yang Baharu Belajar* dan *Kitab Kaifiyah Bernikah-Nikahan Supaya Mudah Bagi Orang Yang Baharu Belajar*. Kedua kitab ini disalin semula oleh anak muridnya dan setakat ini belum diterbitkan dan sebilangan daripada salinan kitab berkenaan disimpan di Arkib Brunei dan juga perseorangan (Asbol Mail, 2005). Pehin Khatib Abdul Razak juga mendirikan sebuah balai khas berdekatan dengan rumahnya bagi tujuan mengajar ilmu agama Islam. Antara bidang ilmu yang diajarkan ialah seperti Ilmu Tasauf, Ilmu Feqah, Ilmu Usuluddin (Tauhid), Ilmu Akhlak, Ilmu Saraf, Ilmu Faraid, Ilmu Tafsir, Ilmu Hadith, dan lain-lain (Haji Tassim, 2013).

d) Pehin Khatib Muhammad Bin Hassan

Pehin Khatib Muhammad bin Hassan yang dilahirkan di Kampong Lurong Sikuna, di Kampong Ayer. Pehin Khatib Muhammad bin Hassan dilahirkan sekitar tahun 1860-an dan meninggal dunia ketika berusia 80 tahun dalam tahun 1941 semasa pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin. Beliau banyak memperoleh ilmu agama ketika dibawa bapanya pergi merantau ke Sabah dan Sarawak, sewaktu bapanya mencari pekerjaan. Semasa di perantauan, beliau telah mengambil kesempatan mendalami pengetahuan agama Islam daripada orang-orang yang arif dalam bidang tersebut. Setelah balik ke Brunei, beliau telah membina balai di rumahnya sendiri bagi tujuan berdakwah dan mengajar ilmu agama secara sukarela. Beliau telah mengajar penduduk di sekitar kampungnya tentang Ilmu Faraid, Hukum Nikah Kahwin, dan mengaji Al-Qur'an. Pengajaran beliau telah menarik minat masyarakat Islam, menyebabkan balai di rumah kediamannya penuh sesak dengan penduduk Kampong Ayer dari Kampong Saba, Kampong Peramu, Kampong Setia Pahlawan, dan kampung-kampung lain yang berdekatan (Asbol Mail, 2005). Peranan balai sebagai institusi pendidikan di Kampong Ayer mula mengalami kemerosotan secara beransur-ansur dan akhirnya pupus selepas kemunculan Sekolah Agama Rendah pada tahun 1956, apabila pendidikan agama Islam mula diajarkan secara lebih formal di sekolah-sekolah (Asbol Mail, 2005). Peralihan ini, daripada sistem pengajian balai di rumah-rumah kepada bangunan sekolah kekal di kawasan daratan, telah membuka peluang yang lebih luas kepada penduduk Brunei untuk memperoleh ilmu membaca, menulis, serta pelbagai kemahiran yang bermanfaat (Haji Tassim, 2013). Sistem pendidikan balai, yang hanya wujud di Kampong Ayer dalam kawasan pusat kerajaan Kesultanan Melayu Brunei, telah memainkan peranan besar dalam menyebarkan ajaran Islam sebelum tertubuhnya sistem persekolahan rasmi. Ulama-ulama Brunei, khususnya Pehin Manteri Agama telah menggunakan balai sebagai wadah untuk mendidik masyarakat dalam ilmu agama, sekali gus membuktikan betapa pentingnya peranan institusi tradisional dalam pembentukan asas pendidikan Islam di negara ini.

III. Sekolah Melayu

Tahun 1906 merupakan tahun kuasa British bertapak di Brunei terutama sekali setelah kemunculan sistem pentadbiran Residen British. Sistem ini telah mempengaruhi sistem politik, pentadbiran, ekonomi dan undang-undang. Tidak ketinggalan sistem pendidikan Brunei, kerana pihak British telah memperkenalkan sistem pendidikan sekular berbentuk formal kepada masyarakat Brunei. Pada Tahun 1914, sekolah Melayu pertama ditubuhkan di Jalan Pemanca pekan Brunei. Mulai saat ini wujudlah dua bentuk sistem pendidikan di Brunei pada abad kedua puluh, iaitu sistem pendidikan agama Islam dan sekular. Sungguhpun persekolahan Melayu telah pun wujud pada awal abad ke dua puluh seperti yang dijelaskan di atas, namun pendidikan agama Islam belum mendapat tempat dalam jadual waktu belajar di sekolah tersebut. Setelah 17 tahun berlalu, pada tahun 1931 sekolah melayu di tubuhkan, barulah Pendidikan Islam menempuh era baru apabila ia mula diajarkan melalui sistem pendidikan formal sebagai satu mata pelajaran di sekolah Melayu di pekan Brunei (Asbol Mail, 2005).



IV. Sekolah Arab

Pada tahun 1941, Sultan Ahmad Tajuddin (1924–1950) telah mengambil inisiatif penting dalam memperkuat pendidikan agama di Brunei dengan menubuhkan sebuah sekolah agama beraliran Arab. Penubuhan sekolah ini dibiayai sepenuhnya oleh baginda sendiri, menjadikan institusi tersebut sebagai sebuah sekolah swasta yang berdaftar dengan Jabatan Pelajaran Brunei. Sekolah ini dikendalikan oleh seorang tenaga pengajar dari Arab, iaitu Syekh Abd Aziz Al-Shimi, dan berjaya menarik seramai 60 orang pelajar termasuk lima orang pelajar perempuan. Walaupun mendapat sambutan yang menggalakkan, sekolah tersebut tidak dapat bertahan lama ekoran teretusnya Perang Dunia Kedua yang menyaksikan Brunei menjadi sasaran serangan Jepun. Keadaan ketika itu turut menunjukkan bahawa kerajaan masih belum memiliki peruntukan kewangan yang mencukupi untuk menampung perkembangan pendidikan agama secara meluas. Inisiatif Sultan Ahmad Tajuddin ini mencerminkan komitmen awal terhadap pembinaan institusi pendidikan Islam yang formal sebelum terbentuknya sistem yang lebih terstruktur di kemudian hari (Asbol Mail, 2005). Sekolah Arab dibina kembali pada tahun 1966 di bawah pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddien III.

V. Sekolah Agama

Sejak pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddien III dari tahun 1950 hingga 1967, Kesultanan Melayu Brunei telah mencatat perkembangan penting dalam bidang pendidikan Islam. Pada tahun 1956, kerajaan mengambil langkah awal dengan menubuhkan Sekolah Rendah Agama, seperti yang dinyatakan oleh Asbol Mail (2005), dan sepuluh tahun kemudian, institusi pendidikan Islam diperluaskan lagi dengan penubuhan Sekolah Arab. Usaha memperkasa dan mengembangkan lagi pendidikan Islam diteruskan oleh anakanda baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Hassanal Bolkiah, yang menaiki takhta pada akhir tahun 1967, dengan meneruskan kegiatan pembangunan dan pengembangan sistem pendidikan Islam di Brunei Darussalam (Asbol Mail, 2005; Asbol Mail & Andi Suwirta, 2018). Waktu pembelajaran Sekolah Rendah Agama dilakukan pada sebelah petang, dari jam 2:00 hingga 5:00 petang. Pelajar akan dibahagikan kepada tiga sesi:

- **Sesi 1 (2:00 – 3:30 petang):** Untuk pelajar Darjah 1 dan 2. Syarat kemasukan ialah sekurang-kurangnya pelajar telah berada di Darjah 3 di Sekolah Melayu.
- **Sesi 2 (3:30 – 5:00 petang):** Untuk pelajar Darjah 3 hingga 5.
- **Sesi 3 (2:00 – 5:00 petang):** Untuk pelajar Darjah 6, iaitu tahap tertinggi dan terakhir di Sekolah Rendah Agama.

Kepentingan Sekolah agama sebagai menyambung pendidikan Islam bukan formal seperti pendidikan masjid-masjid atau balai-balai ke pendidikan secara formal Tujuan utama sekolah. Hal ini seperti mana yang telah dijelaskan di dalam titah Sultan Haji Omar Ali Saifuddein III dalam titahnya:

"Sudah patut masanya tiap-tiap sekolah Melayu dan Inggeris yang ada dalam Negeri Brunei ini diadakan pelajaran agama di sebelah petang oleh kerana menolakkan berbagai-bagai bencana dan fitnah pesona yang didatangkan oleh pihak yang tidak sukakan atas ketenteraman dan keelokan akhlak anak-anak bumiputera-puteri negeri ini, khususnya dalam pelajaran agama itu berbagai ajaran dan didikan cara-cara memperbaiki perjalanan hidup supaya tidaklah seorang itu terceburlah dalam lembah kehinaan yang tidak disukai oleh semua bangsa yang beragama dalam muka bumi ini. Adalah pelajaran agama itu faedahnya dapat menjauhkan daripada desakan pelajaran-pelajaran diayah dan ilmu-ilmu palsu."

Mengikut (Asbol Mail, 2005) antara kitab utama yang dipelajari di sekolah Uagama sebelum 1970 ialah kitab *Kitab Matla'al Al-Badrain*. Namun setelah beberapa tahun sekolah agama dijalankan penggunaan kitab *Matla'al al-Badrain* ditukar kepada buku-buku teks baru sejajar penggunaan bahasa yang lebih mudah untuk para pelajar.

Ketika ini, sekolah agama mengalami perubahan yang disebut sebagai pelaksanaan Pengintegrasian Mata Pelajaran Agama ke Dalam Sistem Pendidikan Umum bermula 1 November 2023. mata-mata pelajaran yang lazimnya diajarkan di sekolah-sekolah agama telah diserapkan ke dalam kurikulum pendidikan umum di sekolah-sekolah rendah kerajaan dan swasta termasuk sekolah-sekolah antarabangsa. Antara tujuan pengintegrasian yang hanya akan melibatkan pelajar-pelajar yang sedang menuntut di peringkat pra sehingga darjah 3 sekolah agama itu adalah untuk menjaga kesejahteraan pelajar dengan mengurangkan beban kerja pelajar dan mengurangkan tempoh masa berada di sekolah, yang diharapkan akan meningkatkan lagi keseimbangan hidup dan kesihatan mental para pelajar. Dalam hal berkenaan, pelajar-pelajar



terlibat akan mengikuti pendidikan agama mereka di sekolah rendah masing-masing. Manakala, para pelajar yang menuntut dalam darjah 4 hingga darjah 6 masih meneruskan pembelajaran di sekolah-sekolah agama seperti lazimnya.

VI. Pusat Penyelidikan Jawi dan Kitab Turath, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Kepentingan kitab Turath disebutkan di dalam Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Konvokesyen Ketiga Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, pada 26 Muharram 1435H bersamaan 30 November 2013 M:

“Beta berpendapat tulisan Jawi dan Pengajian Kitab Turath ini adalah perlu dipertahankan bahkan mustahak diperkasakan, kerana Jawi adalah merupakan identiti bangsa, sementara pengajian Kitab Turath pula adalah merupakan warisan ilmu Islam yang sangat berharga. Ke arah itu, sesuai dengan keunikan KUPU SB sebagai peneraju pendidikan Islam, maka beta melihat KUPU SB adalah institusi yang paling sesuai untuk menawarkan atau mengendalikan program-program akademik di bidang tulisan Jawi dan Kitab Turath sebagai sifatnya tunggak kecemerlangan Islam di negara ini”.

Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) merupakan institusi pengajian tinggi Islam yang ditubuhkan secara rasmi pada 20 Januari 2007, hasil penaikan taraf daripada Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan yang telah beroperasi sejak tahun 1972. Penubuhan ini adalah atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah sempena sambutan Tahun Baru Hijrah 1428. KUPU SB dihasratkan menjadi institusi unggul dalam bidang pendidikan Islam, dengan misi melahirkan pendidik berwibawa yang mendukung falsafah Melayu Islam Beraja (MIB). Tulisan Jawi dan pengajian Kitab Turath diberikan penekanan khas di KUPU SB sebagai warisan ilmu dan identiti bangsa. Dalam titah Baginda Sultan pada tahun 1991 dan 2013, Baginda menegaskan kepentingan mempertahankan dan memperkasakan tulisan Jawi serta Kitab Turath sebagai warisan yang agung dan sumber ilmu Islam yang sangat berharga. Sehubungan itu, KUPU SB menawarkan program akademik khusus dalam bidang ini dan menubuhkan pusat-pusat seperti Pusat Ilmu Teras, Pusat Bahasa, dan Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah untuk menyokong usaha tersebut. Pengajaran Kitab Turath di KUPU SB merangkumi pelbagai peringkat, termasuk mahasiswa dan orang awam. Mahasiswa diwajibkan mempelajari lima buah kitab Turath sepanjang pengajian mereka, manakala program khas untuk orang awam dijalankan pada hujung minggu. Selain itu, KUPU SB turut bekerjasama dengan Jabatan Hal Ehwal Masjid untuk mengadakan pengajian Kitab Turath di masjid-masjid sekitar Brunei. Usaha ini bertujuan memperluas pemahaman masyarakat terhadap warisan keilmuan Islam dan memperkukuh identiti Melayu Islam Beraja. Setiap mahasiswa yang mengambil program Sarjana Muda Perguruan Ugama Seri Begawan (SMPU) dan Diploma Tertinggi Perguruan Ugama Seri Begawan diwajibkan mengambil kursus Kitab Turath sebagai kursus Ilmu Teras. Masing-masing program dari tahun satu (1) dan tahun dua (2) diwajibkan mempelajari lima (5) buah kitab turath. Dua (2) buah kitab pada tahun satu dan tiga buah kitab pada tahun dua. Kitab-kitab yang akan diajarkan pada tiap-tiap tahun dan program seperti yang tersebar pada chart berikut:

1) Mahasiswa Sarjana Muda Perguruan Ugama Seri Begawan (SMPU)

No	Nama Kitab	Bidang	Penulis
1	Al-Durr al-Thamin	al-Aqidah	Al-Syaikh Daud ibn 'Abdullah al-Fathani
2	Tanbih al-Ghafilin	Al-hadiths	Al-Syaikh 'Abdullah bin 'Abdul Muin
3	Idhah al-Albab li Murid an-Nikah li al-Shawab	Al-Feqh	Al-Syaikh Daud ibn 'Abdullah al-Fathani
4	Munyah al-Mushalli	Al-Feqh	Al-Syaikh Daud ibn 'Abdullah al-Fathani
5	Minhaj al-'Abidin Ilaa Jannati Rabbil 'Alamin	Al-Tasawwuf	Al-Syaikh Daud ibn 'Abdullah al-Fathani

2) Mahasiswa Diploma Tertinggi Perguruan Ugama Seri Begawan (DTPU)

No	Nama Kitab	Bidang	Penulis
1	Al-Durr al-Thamin	al-Aqidah	Al-Syaikh Daud ibn 'Abdullah al-Fathani



2	Tanbih al-Ghafilin	Al-hadiths	Al-Syaikh 'Abdullah bin 'Abdul Muin
3	Idhah al-Albab li Murid an-Nikah li al-Shawab	Al-Feqh	Al-Syaikh Daud ibn 'Abdullah al-Fathani
4	Munyah al-Mushalli	Al-Feqh	Al-Syaikh Daud ibn 'Abdullah al-Fathani
5	Minhaaj al-'Abidin Ilaa Jannati Rabbil 'Alamin	Al-Tasawwuf	Al-Syaikh Daud ibn 'Abdullah al-Fathani

Program Talaqqi Kitab Turath

Selain program kursus Universiti, Pusat penyelidikan Jawi dan Kitab Turath (PPJKT) juga berperanan menjalankan program 'Talaqqi Kitab Turath Bagi Orang Awam'. program tersebut sudah dimulakan bermula pada Oktober 2020 lagi. Tenaga pengajar program terdiri dari pensyarah-pensyarah KUPU SB. Waktu pengajian program ini berubah-ubah mengikut kesesuaian pimpinan pusat. Namun ketika ini, waktu program ini berlangsung setiap hari isnin dan khamis bermula jam 7.30 hingga 9.00 malam. Program ini mempunyai peringkat-peringkat iaitu peringkat asas, peringkat lanjutan dan peringkat Takhtim. Setelah program tamat, pelajar-pelajar akan diberikan sijil program Talaqqi kitab Turath dari pihak penganjur. Antara kitab-kitab yang dipelajari sepanjang tempoh program ini dijalankan ialah:

- a) Kitab Taj al-'Arus
- b) Kitab Umm al-Barahin
- c) Kitab Hadith al-Ar'bain
- d) Kitab Kifayatul Ghulam
- e) Kitab Penawar Bagi Hati
- f) Kitab Hikam (jawi)
- g) Kitab ad-Dur at-Thamin
- h) Kitab Munyah al-Musolli
- i) Kitab Bidayah al-Hidayah (Aqidah - Syeih Muhammad Zain Al-Achek)
- j) Kitab Tafsir Juz 'Amm
- k) Matan Jauhar at-Tauhid.





Program Talaqqi Kitab Turath Bagi Orang Awam, anjuran Pusat Penyelidikan Jawi dan Kitab Turath, KUPU SB

V. Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) juga berperanan dalam memperkasa pengajian Kitab Turath. Ini jelas seperti mana yang terkandung dalam buku 'Handbook (faculty of Usuluddin, 2022). Antara kandungan kursus yang terkait dengan pengajian kitab turath seperti berikut:

Kod Kursus	Nama Kursus	Kandungan Turath
UT3308	دراسات نصية من كتب التفسير	Kajian teks tafsir klasik seperti <i>al-Razi</i> , <i>al-Qurtubi</i> , <i>al-Alusi</i>
UA4320	دراسات نصية من كتب العقيدة	Kajian kitab aqidah klasik seperti <i>al-Iqtisad fi al-I'tiqad</i> , <i>Sharh al-Maqasid</i> , <i>al-Fasl</i>
UT4316	مناهج التفسير واتجاهاته	Kajian metodologi tafsir klasik dan tokoh-tokoh turath
UT4315	مناهج المحدثين	Kajian sejarah dan pendekatan ulama hadis klasik
UT4319	أصول التخريج ودراسات الأسانيد	Kaedah takhrij hadis dan kajian sanad berdasarkan kitab turath
UT3306	علم الجرح والتعديل	Penilaian perawi hadis berdasarkan kaedah klasik
UT3309	أصول التفسير وقواعده	Kaedah tafsir klasik seperti <i>al-Burhan</i> , <i>al-Taysir</i> , <i>Aṣul al-Tafsir</i>

Selain itu, UNISSA juga mewujudkan pengajian kitab Turath untuk orang awam selain pelajar-pelajar UNISSA yang di panggil sebagai program 'Balai Talaqqi Unissa'. Antara kitab-kitab turath yang diajarkan di program tersebut ialah:

- Kitab Kharidah al-Bahiyyah, karangan Imam Ahmad ad-Dardir.
- Kitab 'Syarah Sugra as-Sugra, karangan Imam Muhammad Bin Yusuf as-Sanusi.
- Kitab Ayyuhal Walad, karangan Imam Abu Hamid al-Ghazali.
- Kitab Fathul al-Qarib al-Mujib syarah al-Ghayah wa at-Taqrrib, karangan Ibn Qosim as-Ghozzy.
- Kitab Awamil al-Jurjani, karangan Imam Abdul Qohir al-Jurjani.
- Kitab Syarah al-Hudhudi, karangan Imam Al-Hudhudi.
- Kitab Bidayah al-Hidayah, karangan Imam Abu Hamid al-Ghazali.
- Kitab At-Taqrirat as-Suniyyah Syarah al-Manzumah al-Baiquniyyah.
- Kitab Bidayah al-Sorfi Syarah Matn al-Bina wa nizamihi, karangan Syeikh Ahmad Zahir Muhammad Nabih Salim (instagram Rasmi 'balaitalaqqi.unissa').



Program Balai Talaqqi Kitab Turath di UNISSA

VI. Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB)

Antara institusi yang berkepentingan dalam perihal Kitab turath di Negara Brunei Darussalam ialah Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB), Jabatan Mufti, Pusat Sejarah, Pusat Pengkajian Borneo, Jabatan Arkib Negara, Universiti Brunei Darussalam merupakan di antara organisasi-organisasi yang bertanggungjawab dalam pengurusan, pemeliharaan serta penyimpanan manuskrip-manuskrip terdapat di Negara Brunei Darussalam. (Wafi Abdul Rahim & Amalina Haji Junggal, n.d.). BKISHHB kemudian telah dibuka rasmi pada 12 Oktober 2019 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Segala khazanah warisan Islam terdapat di BKISHHB merupakan koleksi milik peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sendiri.



Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berhasrat agar BKISHHB menjadi pusat khazanah warisan Islam yang dapat menghidupkan pengumpulan dan pengkajian budaya ilmu sekaligus mengkongsikan serta melestarikan khazanah warisan Islam. Selain itu, penubuhan BKISHHB ini juga adalah untuk menjadi ‘pusat sehenti destinasi pelancongan Islam’ terdapat di Negara Brunei Darussalam. Bagi membantu mencapai hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, terdapat tiga (3) aspek utama telah dititikberatkan dan diambilkira oleh BKISHHB. Tiga (3) aspek utama tersebut adalah pameran, penyelidikan dan konservasi. Sepertimana diterangkan di atas, penyelidikan merupakan aspek



utama lain yang telah difokuskan oleh BKISHHB dalam mempromosi dan melestarikan khazanah warisan ilmu Islam termasuk manuskrip. Adapun BKISHHB memiliki 1,019 buah manuskrip dalam pelbagai bidang ilmu dan bahasa yang dihasilkan oleh ulama-ulama mu'tabar berasal dari Timur Tengah dan Nusantara seperti Imam al-Bukhari (256H), Imam Muslim (261H), Imam al-Ghazali (505H), Najm ad-Din an-Nasafi (537H), Fakhr ad-Din ar-Razi (606H), Hafiz ad-Din an-Nasafi (710H), 'Adud ad-Din al-Iji (756H), Sa'ad ad-Din at-Taftazani (793H), Jalal ad-Din as-Suyuti (911H), 'Abd as-Samad al-Falimbani, Nur ad Din ar-Raniri, 'Abd ar-Rauf as-Sinkili dan Daud al-Fatani. Kepelbagaian bidang ilmu dan bahasa serta berusia ratusan tahun menjadikan manuskrip dianggap sebagai bahan koleksi yang sangat berharga. BKISHHB sangat menitikberatkan terhadap penyimpanan dan pemeliharaan setiap manuskrip. Selain digunakan sebagai bahan-bahan pameran, manuskrip-manuskrip tersebut dapat menjadi sumber penyelidikan. BKISHHB telah membukakan kepada mana-mana individu berminat untuk membuat sebarang penyelidikan berkaitan. Segala ilmu terkandung dalam setiap manuskrip akan dapat dikaji, dikongsikan dan dimanfaatkan bersama melalui penyelidikan yang telah dibuat. Tambahan lagi, bagi manuskrip-manuskrip yang jarang ditemui dan dikategorikan sebagai koleksi nadir. Antara usaha BKISHHB dalam hal ini ialah dengan melaksanakan kerja-kerja pendigitalan manuskrip. Dengan pendigitalan ini, pengaksesan pada setiap manuskrip hanya akan dibuat secara digital sahaja. Oleh itu, manuskrip-manuskrip akan dapat dipastikan tidak rosak dan sentiasa dalam keadaan baik. Melalui pendigitalan ini juga, para pengkaji akan dapat mengakses manuskrip-manuskrip sekalipun manuskrip yang dalam keadaan kurang memuaskan. Turut menjadi hasrat BKISHHB untuk menubuhkan e-perpustakaan pada masa akan datang. Setakat ini, BKISHHB sudah membuat pendigitalan sebanyak 65,715 lembaran (397 naskhah manuskrip).

Kesimpulan

Pendidikan kitab Turath di Negara Brunei Darussalam mempunyai ciri-ciri sejarahnya yang tersendiri. Antaranya ialah pendidikan di balai-balai di kampung air yang dipimpin oleh pehin-pehin atau menteri agama sendiri. Kaedah pengajarannya pula menggunakan 'siput' atau 'takuyung' sebagai alat bantu mengajar. Begitu juga, penerapan kaedah 'beliun' atau 'halaqah' ketika membaca kitab-kitab turath. Ulama-ulama Brunei pada akhir abad ke 18 dan ke 19 menunjukkan kemahiran-kemahiran mereka dari pelbagai bidang seperti ilmu aqidah, fiqh, tasawwuf dan sebagainya. Pendidikan Kitab Turath terus diamalkan sehingga kini khususnya di institut pengajian tinggi seperti Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan pengajian-pengajian bukan formal di masjid-masjid di Negara Brunei Darussalam.

Bibliografi

- Asbol Mail. (2005). Tranformasi Pendidikan Agama Islam di Negara Brunei Darussalam Pramerdeka: Fokus kepada Sekolah Rendah Agama. *Konferensi Antar-Universiti*. <https://www.researchgate.net/publication/313161770>
- Asbol Mail, & Andi Suwarta. (2018). Pendidikan Tradisional di Negara Brunei Darussalam: Perspektif Sejarah. *Atikan: Jurnal Kajian Pendidikan*, 8(1), 11–26. www.journals.mindamas.com/index.php/atikan
- Aslan, A., & Suhari, S. (2019). Sejarah Kurikulum Pendidikan Islam di Brunei Darussalam. *Jurnal Iqra' : Kajian Ilmu Pendidikan*, 4(1), 113–127. <https://doi.org/10.25217/ji.v4i1.448>
- faculty of Usluddin. (2022). *Undergraduate Programme Handbook*.
- Haji Tassim, H. A. B. (2013). Pendidikan dari Balai di Kampong Ayer ke Sekolah Moden di Darat, 1906-1941: Kajian sejarah Pendidikan di Negara Brunei Darussalam. *Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, 1 (2).
- Norhayati Abdul Karim, & Masuriyati Haji Yahya. (2022). Sumbangan Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Abdul Razak Bin Hasanuddin: Pendidikan Masyarakat Brunei di Kampong Ayer. *Proceedings Borneo Islamic International Conference*, 13, 136–141.
- Norhayati Haji Abd Karim. (2019). Sumbangan Karya Ulama Prolifik Pehin Siraja Khatib Abdul Razak Bin Hasanuddin: Asas Pengetahuan Islam Bagi Masyarakat Brunei. *Jurnal Penyelidikan Islam Dan Kontemporari*, 2(2), 44–52. www.joirc.com
- Wafi Abdul Rahim, & Amalina Haji Junggal. (n.d.). *Usaha Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah Dalam Mempromosi Manuskrip Islam di Kalangan Para Belia Di Brunei Darussalam*.
- Akhabar Media Permata, (13 Novermber, 2023). "Penintegrasian sistem pendidikan terima sambutan menggalakkan". <https://mediapermata.com.bn/pengintegrasian-sistem-pendidikan-terima-sambutan-menggalakkan/> (Dilayari pada 29 Julai, 2025).
- Laman web Rasmi Jabatan Pengajian Islam Kementerian Hal Ehwal Ugama <https://www.mora.gov.bn/SitePages/Jabatan%20Pengajian%20Islam.aspx#:~:text=%E2%80%8B%EF%B8%8FSEJARAH%20PENUBUHAN&text=Pada%20tahun%201956%20pendidikan%20ugama,Pegawai%20Pengajian%20Islam%20Daerah%20%20Kawasan>. (Dilayari pada 28 Julai, 2025).